

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

MASYARAKAT PRIHATIN

Semangat sayang menyayangi antara jiran dan masyarakat adalah dituntut oleh agama. Kempen Kesihatan dan Menderma Darah anjuran bersama Persatuan Penduduk Sri Melaka, Petronas Taman Tenaga, Persatuan Penjaja Taman Tenaga, Pejabat Cawangan Cheras serta UMNO Bahagian Cheras merupakan satu tindakan yang amat baik dan patut dicontohi.

Kempen ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Mohmad Shaïd Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 19 Oktober 2002, bertempat di Stesen Minyak Petronas Taman Tenaga.

Selain pihak Petronas yang memberi sumbangan wang tunai dan juga barangan, pihak Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) juga bekerjasama menyediakan doktor dan kakitangan dalam urusan derma darah.

Y.Bhg Datuk Mohmad Shaïd dalam ucapannya, menyeru supaya masyarakat tempatan yang lain mencontohi semangat sepertimana Persatuan Penduduk Sri Melaka yang berjaya bekerjasama dengan pihak swasta untuk mengadakan kempen sebegini.



Datuk Bandar Kuala Lumpur menyampaikan sijil kepada penderma darah.



Sumbangan berupa hamper juga diberikan kepada penderma darah.

Selain daripada aktiviti menderma darah dan pemeriksaan kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga mengadakan kempen membasmi nyamuk aedes dan akan mengadakan majlis berkhathan kepada anak-anak penduduk terlibat.

Rencana Pengarang

Dari detik ke detik, hari bertukar minggu dan seterusnya menjadi bulan dan tahun. Begitulah masa datang dan pergi, beredar mengikut kadar yang telah ditetapkan dan ditentukan.

Diam tak diam, kita telah hampir sampai ke hujung tahun 2002. Sebagai warga kota kita bakal bertemu dengan berbagai-bagai sambutan, perayaan dan acara keagamaan.

Perayaan Deepavali, Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri akan membawa erti dan mesejnya yang tersendiri bagi masing-masing kaum. Suasana menjadi lebih meriah dengan percutian sekolah. Demam membeli-belah dan berbelanja akan melanda. Kalau diikutkan hati, semua ingin dibeli, semua ingin diperolehi dan ditukar ganti.

Ketika inilah kita harus berhemah dan berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan. Sikap kepenggunaan yang bijak harus ditanamkan dalam diri, supaya kita tidak terjebak dengan janji manis si penjual atau iklan jualan murah yang mengelirukan. Kualiti barangan dan harga yang munasabah dan berpatutan perlu menjadi panduan ketika membeli.

Dalam kita seronok berbelanja, jangan lupa golongan yang lemah dan kurang berada. Bulan Ramadhan menjanjikan ganjaran pahala yang besar kepada para dermawan.

SELAMAT MENYAMBUT

**HARI DEEPAVALI
&
RAMADHAN AL MUBARAK**



Sub Editor
Hanin Binti Hj Hashim
Suriyana Binti Ismail

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembangunan Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC
03 - 4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Bldg
Jalan Tun Razak
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03 - 2691 6011 samb. 3825/3826

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
KM 4, Jalan Cheras
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut
03 - 2698 6389

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03 4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03 - 9284 3636/ 9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03 - 2699 3852/ 2697 7097

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12.00 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)
Bebas Tol : **1800-882-600**
No. Telefon : **03 - 2699 3930**

Jurufoto
Mubarak bin Mohd. Atan
Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin

Alamat Editor
Berita Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Jabatan Pengurusan Organisasi
Tingkat 5, Bangunan DBKL
Jalan Raja Laut.
Atau berhubung terus dengan
Suriyana Binti Ismail
Tel : 03 2691 6011 samb. 3851
Faks : 03 2694 1373
emel : dbkl@dbkl.gov.my

Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2000

Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2002 telahpun diluluskan dan diwartakan melalui No. Warta Kerajaan P.U. (A) 370/02 bertarikh 5 September 2002. Pindaan ini adalah untuk memaklumkan kenaikan yuran lesen iklan papan tanda. Ianya melibatkan semua jenis iklan papan tanda yang dipasang di premis dan juga yang dipasang secara

luaran.

Di bawah Seksyen 7(3) UUK (WP) 1997, kadar wang cagaran juga dinaikkan daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00. Kadar baru yuran lesen iklan papan tanda dan wang cagaran akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2003.

Jenis Iklan

Yuran Tahunan Yang Kena Dibayar (Lama)	Yuran Tahunan Yang Kena Dibayar (Pindaan)
--	---

1. Iklan yang dipasang dengan lampu:

- (a) bagi meter persegi pertama atau sebahagian daripadanya
- (b) Bagi tambahan tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripadanya

RM100

RM100

RM10

RM15

2. Iklan yang tidak dipasang dengan lampu:

- (a) Bagi meter persegi pertama atau sebahagian daripadanya.
- (b) Bagi tambahan tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripadanya.

RM150

RM200

RM15

RM20

3. Iklan atas papan bil:

- (a) Bagi meter persegi pertama atau sebahagian daripadanya.
- (b) Bagi tambahan tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripadanya.

RM200

RM500

RM30

RM80

4. Tanda dinding atau iklan atas menara setiang, jejantas atau jejambat:

- (a) bagi tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripadanya.

RM80

RM120

5. Iklan elektronik (I-Board):

- (a) bagi tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripadanya.

RM80

RM80

6. Iklan langit:

- (a) bagi tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripadanya.

RM80

RM80